Minda Pengarang

ISMAIL DAUD

Jalan berlubang patut jadi KPI semua YB

KELMARIN, Mahkamah Sesyen Johor Bahru memerintahkan sebuah syarikat penyelenggara jalan membayar ganti rugi berjumlah RM721,000 kepada seorang penunggang motosikal yang cedera selepas terjatuh akibat terlanggar lubang di sebuah kawasan perumahan di Pasir Gudang.

Walaupun syarikat itu memfailkan rayuan tetapi angka besar yang dianugerahkan oleh mahkamah itu membuat ramai yang 'teruja' sehingga ada yang berseloroh mahu mencari lubang dalam perjalanan pulang dari tempat kerja supaya boleh saman syarikat penyelenggara jalan.

Kisah itu sebenarnya memberi gambaran kepada keadaan jalan di negara kita. Tidak boleh dinafikan bahawa jalan berlubang di sana sini adalah perkara biasa di negara kita.

Banyak faktor kepada keadaan itu. Pertamanya, kebanyakan jalan raya kita sudah luput hayatnya tetapi masih yang dinaik taraf atau diturap semula tidak menyeluruh mengakibatkan jalan-jalan tersebut mudah rosak dan membahayakan pengguna.

Ia diburukkan lagi oleh kenderaan berat dan lebih muatan.

Faktor cuaca yang kerap hujan juga memainkan peranan. Apabila air bertakung, lubang kecil pada jalan akan menjadi besar dalam masa yang singkat sahaja jika tidak dibaiki segera. Menurut pakar keselamatan jalan raya dari Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr. Law Teik Hwa, kualiti pembinaan juga adalah adalah faktor penyumbang dan kekuatan jalan banyak bergantung kepada asas pembinaannya.

Di Selangor, dilaporkan lebih separuh daripada jalan rayanya sama ada jalan Persekutuan, jalan negeri atau jalan bandaran sudah berusia lebih 40 tahun sedangkan jangka hayat sebatang jalan adalah antara 20 hingga 25 tahun.

Dan isu utama kepada masalah jalan berlubang dan rosak adalah isu kos atau peruntukan, yang diburukkan lagi dengan kegagalan syarikat penyelenggara melaksanakan tugasnya memantau dan menurap semula jalan sebelum ia rosak teruk.

Walaupun peruntukan daripada kerajaan agak besar iaitu melebihi RM2.5 bilion setahun tetapi ia tidak mencukupi kerana rangkaian jalan raya yang luas dan peruntukan itu turut digunakan untuk kerja-kerja lain yang bersangkutan dengan jalan.

Justeru, keputusan mahkamah itu seharusnya membuka mata terhadap pentingnya memantau dan menyelenggara jalan. Ia kini bukan lagi sekadar tentang keselamatan dan nyawa pengguna tetapi untuk elak daripada disaman lagi. Kes duluan sudah ada, mungkin ada lagi yang akan saman kerajaan selepas ini.

Selain peruntukan yang lebih besar, pihak berkuasa juga perlu mengubah sistem pemantauan kepada yang lebih efisien dan wujudkan pasukan yang akan bertindak segera terhadap setiap aduan yang dikemukakan.

Bukan sahaja Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak berkuasa tempatan dipertanggungjawabkan terhadap jalan rosak tetapi juga syarikat utiliti.

Inilah sebabnya Pengasas Ikatan Silaturahim Brotherhood, Azlan Sani Zawawi atau lebih dikenali sebagai Lando mencurahkan khidmat baktinya kepada usaha membaiki jalan-jalan rosak walaupun terpaksa mengeluarkan belanja sendiri.

Lando faham ini adalah isu rakyat tetapi mengapa masih ramai Yang Berhormat (YB) tidak melihat isu jalan rosak dan berlubang sebagai dekat dengan rakyat dan perlu ditangani dengan cepat dan berkesan. Sudah tiba masanya, isu jalan rosak dijadikan petunjuk prestasi utama (KPI) kepada semua YB.

Ismail Daud adalah Timbalan Pengarang *Utusan Malaysia/ Mingguan Malaysia*